

Negara mahu contohi model pentadbiran Madinah

Um- 27/2/2007.

Daripada MUSTAFA KAMAL BASRI

MADINAH 26 Feb. - Malaysia mahu mencontohi model pentadbiran Madinah bagi melahirkan lebih ramai kepimpinan intelektual Islam, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana model pentadbiran Madinah mampu memupuk budaya ilmu di kalangan umat Islam terdahulu sehingga mereka berjaya membina tamadun dan kecemerlangan Islam.

Katanya, kejayaan model Madinah dalam memupuk budaya ilmu telah menjadi satu kesinambungan dalam Islam sehingga berjaya membina pusat ilmu seperti di Kordova dan Baghdad.

"Di Baghdad sahaja suatu ketika dahulu terdapat dua juta buku, sedarigkan dunia Eropah masih berada dalam kegelapan, sehingga Islam mampu melahirkan ulama dan tokoh ilmu yang hebat dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang sains.

"Kita (Malaysia) perlu membina kembali model Madinah supaya ia (Malaysia) dapat menjadi pusat kecemerlangan ilmu untuk dicontohi oleh negara-negara Islam lain.

"Pelajar-pelajar Malaysia perlu menguasai ilmu wahyu dan akal termasuk ilmu sains, teknologi dan inovasi supaya kita dapat melahirkan kepimpinan intelektual Islam yang akan menjadi model pula kepada dunia Islam sekarang," katanya semasa berucap pada perjumpaan dengan 80 pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Islam Madinah di sini, malam tadi.

Menurut Najib, penguasaan ilmu sains, teknologi dan inovasi merupakan salah satu daripada tiga penyelesaian kepada permasalahan umat Islam masa kini yang lemah, mundur dan menghadapi kepincangan.


"Dalam ibadah pun, kita perlukan sains, teknologi dan inovasi kerana ia merupakan keperluan penting dalam kehidupan harian," katanya.

Selagi umat Islam tidak menguasai bidang itu katanya, mereka akan terus bergantung kepada orang lain.

Menurutnya, semua masalah yang berkaitan umat Islam dan dunia Islam adalah berpunca daripada kelemahan dan kepincangan umat Islam sendiri.

Pelajar-pelajar Malaysia perlu menguasai ilmu wahyu dan akal termasuk ilmu sains, teknologi dan inovasi supaya kita dapat melahirkan kepimpinan intelektual Islam yang akan menjadi model pula kepada dunia Islam sekarang

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri



NAJIB Tun Razak berbincang dengan rakan kongsi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) dari Arab Saudi di Madinah, semalam. Turut sama Duta Malaysia ke Arab Saudi, Dr. Ismail Ibrahim (kanan, belakang).

- Bernama

cangan umat Islam sendiri.

"Kita perlu lahirkan golongan pentadbir dan korporat yang mempunyai ilmu dan pegangan agama yang kuat dan mampu melihat masalah umat Islam masa kini daripada perspektif yang luas," katanya.

Menurutnya, dunia Islam suatu ketika dahulu tersohor kerana menguasai ilmu-ilmu wahyu dan duniawi dan bumi Madinah inilah tempat bermulanya kecemerlangan Islam.

Najib berkata, dalam dunia Islam tidak ada pengasingan ilmu atau petak-petak, semua ilmu merupakan kesinambungan

yang menggambarkan keesaan Allah.

"Lagi banyak kita belajar sains, lagi banyak kita akui kekuasaan Allah. Bila kita ada cantuman antara ilmu wahyu dan ilmu akli (duniawi), dunia Islam akan capai kecemerlangan.

"Bila kita abai salah satu cabang ilmu itu maka akan berlakulah kepincangan dalam dunia Islam," tambah beliau.

Najib berkata, penyelesaian kedua kepada permasalahan umat Islam ialah perpaduan Islam.

Katanya, jika umat Islam boleh bersatu

dalam mengerjakan ibadah tertentu seperti ibadah haji yang mengajak kepada perpaduan, maka tidak ada sebab mengapa umat Islam tidak boleh bersatu dalam membina kecemerlangan Islam, katanya.

Najib berkata, jalan penyelesaian ketiga kepada permasalahan umat Islam masa kini ialah membina kekuatan sendiri dengan bersatu mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat Islam.

"Kita (umat Islam) jangan biarkan sama sekali orang lain menyelesaikan masalah kita (umat Islam)," katanya.